



**PANDUAN PENDAFTARAN  
PELAJAR BAHARU  
POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN  
SESI II 2021/2022**

# ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
<b>1.0 Maklumat Am</b>	
1.1 Pengenalan	3
1.2 Kemudahan Tempat Tinggal (Kolej Kediaman)	3
1.3 Bantuan Kewangan	4
<b>2.0 Panduan Pendaftaran</b>	
2.1 Peringatan Penting	6
2.2 Proses Pendaftaran	7
2.3 Jadual Yuran Pengajian	8
2.4 Kaedah Bayaran Yuran Pengajian	9
2.5 Maklumat Hari Pendaftaran	11
2.6 Rupadiri dan Pemakaian Semasa Hari Pendaftaran	11
2.7 Program Haluan Siswa	12
2.8 Rupadiri dan Pemakaian Semasa Program Haluan Siswa	12
<b>3.0 Manual Pendaftaran Online Pelajar Baharu</b>	
3.1 Pendaftaran Online Menggunakan Sistem Pengurusan Maklumat pelajar (SPMP)	15



# 1.0 MAKLUMAT AM

## 1.1 PENGENALAN

### **Visi Politeknik Malaysia:**

Menjadi peneraju institusi TVET yang unggul.

### **Misi Politeknik Malaysia:**

- i. Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf;
- ii. Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat (PSH);
- iii. Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang; dan
- iv. Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan.

## 1.2 KEMUDAHAN TEMPAT TINGGAL (KOLEJ KEDIAMAN)

Semua pelajar baharu (lelaki dan perempuan) adalah **DISEDIAKAN** tempat untuk menduduki Kolej Kediaman Pelajar tanpa perlu membuat permohonan. Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk menjaga kemudahan yang diberikan dengan baik dan mengikuti semua peraturan dan rupadiri yang ditetapkan untuk pelajar tetap menduduki Kolej Kediaman Pelajar sehingga habis semester 1.

### **Blok Kolej Kediaman Pelajar Lelaki (Kapasiti 1260 orang)**

- i. Hi Tech 1 (HT1)
- ii. Hi Tech 2 (HT2)
- iii. Hi Tech 3 (HT3)
- iv. Info Tech 1 (IF1)
- v. Info Tech 2 (IF2)

### **Blok Kolej Kediaman Pelajar Perempuan (Kapasiti 1000 orang)**

- i. Hi-10

### **Kemudahan di Kolej Kediaman Pelajar**

- i. 2 buah kafeteria disediakan untuk pelajar membeli makanan dan minuman. Segala perbelanjaan ditanggung oleh pelajar sendiri.
- ii. Mini koop juga terdapat di kawasan kolej kediaman pelajar untuk pelajar membeli keperluan asas.
- iii. Setiap bilik disediakan katil, tilam, almari baju dan meja belajar. Peralatan tambahan lain, perlu dibawa sendiri oleh pelajar

### 1.3 BANTUAN KEWANGAN

Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) **TIDAK MENYEDIAKAN** pembiayaan atau elaun khas untuk pelajar, sebaliknya pelajar perlu memohon sendiri mana-mana bantuan kewangan (Basiswa / Pinjaman) yang ada bagi menampung perbelanjaan sepanjang pengajian di sini. Pembiayaan pendidikan pelajar yang terbesar di PIS adalah **Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)** bagi pelajar peringkat Diploma dan Sarjana Muda manakala bagi peringkat Sijil Kemahiran Khas Politeknik (Ketidakupayaan Pendengaran) pula mendapat **Bantuan Kewangan Program Pendidikan Khas (PPK)**.

#### **Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**

Pembiayaan pendidikan PTPTN terbuka kepada semua pelajar PIS yang mengikuti pengajian secara sepenuh masa dan separuh masa di peringkat seperti berikut:-

- i. Diploma
- ii. Sarjana Muda

Setiap permohonan PTPTN mestilah dilampirkan bersama SATU (1) SALINAN dokumen sokongan seperti berikut:

- i. Salinan Surat Tawaran Kemasukan ke Politeknik Ibrahim Sultan

Permohonan PTPTN dibuat melalui laman web <http://www.ptptn.gov.my>

SESI	KELOMPOK 1	KELOMPOK 2
Sesi 2 2021/2022 (Diploma dan Sarjana Muda)	1 Februari – 28 Februari 2022	1 Mac – 31 Mac 2022

Pelajar layak memohon PTPTN sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:-

- i. Pemohon adalah warganegara Malaysia
- ii. Berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh memohon;
- iii. Mendapat tawaran ke IPTA/IPTS dan Politeknik dengan memenuhi syarat kelayakan masuk yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);
- iv. Baki tempoh pengajian semasa membuat permohonan hendaklah tidak kurang dari satu (1) tahun;
- v. Tiada penaja lain; dan
- vi. Mempunyai akaun SSPN-i sebelum membuat permohonan

Persediaan Sebelum Membuat Permohonan PTPTN

- i. Membuka akaun simpanan SSPN dengan simpanan minimum RM20.00
- ii. Membeli No.Pin untuk permohonan on-line PTPTN di Bank Simpanan Nasional (BSN)
- iii. Membuka akaun simpanan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).

## **Senarai Pembiaya Pinjaman Atau Biasiswa**

<b>Bil</b>	<b>Nama Pembiaya Pinjaman / Biasiswa</b>	<b>Laman Web</b>
1	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	<a href="http://www.ptptn.gov.my/">http://www.ptptn.gov.my/</a>
2	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	<a href="http://www.jpa.gov.my/">http://www.jpa.gov.my/</a>
3	Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah	<a href="http://www.biasiswa.sabah.gov.my/">http://www.biasiswa.sabah.gov.my/</a>
4	Jabatan Kemajuan Orang Asli	<a href="http://www.jakoa.gov.my/">http://www.jakoa.gov.my/</a>
5	Biasiswa Sukan KPM	<a href="https://biasiswa.moe.gov.my/sukan/">https://biasiswa.moe.gov.my/sukan/</a>
6	Bantuan Kewangan Pelajar OKU	<a href="https://biasiswa.mohe.gov.my/bk_oku/">https://biasiswa.mohe.gov.my/bk_oku/</a>
7	Yayasan Telekom Malaysia	<a href="https://www.tm.com.my/YayasanTM">https://www.tm.com.my/YayasanTM</a>
8	Yayasan Pelajaran Johor	<a href="http://portal.ypj.gov.my/">http://portal.ypj.gov.my/</a>
9	Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM)	<a href="https://tapem.melaka.gov.my/1/">https://tapem.melaka.gov.my/1/</a>
10	Yayasan Sarawak	<a href="http://yayasansarawak.org.my/">http://yayasansarawak.org.my/</a>
11	Yayasan Pahang	<a href="http://www.yip.org.my/">http://www.yip.org.my/</a>
12	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa (TKWBNS)	<a href="http://tkwbns.selangor.gov.my/">http://tkwbns.selangor.gov.my/</a>
13	Yayasan Selangor	<a href="http://www.yayasanselangor.org.my/">http://www.yayasanselangor.org.my/</a>
14	KUOK Foundation	<a href="http://www.kuokfoundation.com/">http://www.kuokfoundation.com/</a>

Nota: Sebarang maklumat lanjut boleh merujuk kepada Bahagian Biasiswa dan Tajaan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar PIS

## **Bantuan Kewangan Program Pendidikan Khas (PPK)**

Bantuan ini diberikan kepada pelajar peringkat **Sijil Kemahiran Khas Politeknik (Ketidakupayaan Pendengaran)** sepanjang mengikuti pengajian di PIS. **Pemohonan akan dibuat oleh pihak PIS**, pelajar hanya perlu menyediakan dokumen seperti dinyatakan di bawah.

Pelajar diminta untuk menyediakan **2 SALINAN DOKUMEN BERSAIZ A4** seperti berikut:

- i. Salinan Kad Pengenalan pelajar
- ii. Salinan Akaun Bank Islam pelajar (Bank Islam Malaysia Berhad)
- iii. Salinan Keputusan SPM (Jika ada) / Sijil Tamat Belajar Tingkatan 5
- iv. Salinan Sijil PMR (Jika ada)
- v. Surat Tawaran Pengajian di Politeknik
- vi. Salinan Kad Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

Kesemua salinan ini **perlu diserahkan bersama Borang HEP 1-6** (Borang Maklumat Peribadi Pelajar, Laporan Pemeriksaan Doktor, Kebenaran Rawatan Pembedahan, Ikrar Pelajar dan Lepas Tanggung, Akaun Pelajar dan Ibumama dan Aku Janji Pelajar) **semasa hari pendaftaran berlangsung.**

## 2.0 PANDUAN PENDAFTARAN

### 2.1 PERINGATAN PENTING

- 2.1.1 Maklumat anda akan disemak secara terperinci sebelum hari pendaftaran. Tindakan akan diambil sekiranya anda:
- i. memberi maklumat salah atau palsu semasa permohonan berkaitan dengan:
    - a. Kewarganegaraan
    - b. Keputusan Peperiksaan SPM atau Keputusan Peperiksaan Semester Akhir (lelasan selain SPM) atau Keputusan Akademik (bagi yang berkenaan)
  - ii. seorang penagih, pengedar atau terlibat dengan sebarang penyalahgunaan dadah.
- 2.1.2 Jika anda **terlibat dengan perkara (i) dan (ii)**, tawaran kemasukan anda ke politeknik akan **ditarik balik dan terbatal**.
- 2.1.3 Pelajar yang mendapat tawaran program yang disenaraikan di bawah ini, dikehendaki memaklumkan kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Politeknik Ibrahim Sultan dengan **SEGERA** sekiranya didapati **Buta Warna** setelah membuat Pemeriksaan Doktor. Rujuk borang HEP 2.
- i. Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik\*
  - ii. Diploma Kejuruteraan Elektronik (Kawalan)\*
  - iii. Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)\*
  - iv. Diploma Kejuruteraan Mekatronik\*
  - v. Diploma Rekabentuk Fesyen Dan Pakaian\*
  - vi. Diploma Rekabentuk Grafik\*
  - vii. Diploma Rekabentuk Industri\*

**\*Syarat bagi program ini adalah calon tidak buta warna.**

- 2.1.4 Pelajar **dikehendaki** mencetak surat tawaran terkini di laman web <http://ambilan.mypolycc.edu.my> untuk simpanan sendiri.

## 2.2 PROSES PENDAFTARAN



### 2.3 JADUAL YURAN PENGAJIAN PELAJAR BAHARU SESI I 2021/2022

BIL	JENIS BAYARAN	JUMLAH (RM)	KAEDAH BAYARAN
1	Yuran Pengajian	200.00	- <b>JOMPAY (rujuk Lampiran)</b>
2	Yuran Kolej Kediaman	<ul style="list-style-type: none"><li>- Pembayaran adalah mengikut bilangan hari pelajar menginap di Kolej Kediaman</li><li>- Bayaran dibuat selepas hari pendaftaran / sepanjang tempoh pelajar menduduki Kolej Kediaman.</li><li>- Pelajar akan dibantu oleh pihak Kolej Kediaman untuk mengira jumlah bayaran yang perlu dibayar selepas hari pendaftaran.</li></ul>	
3	Bayaran Takaful Pelajar	<ul style="list-style-type: none"><li>- RM35 / semester</li><li>- Bayaran dibuat secara cash dan akan dikutip melalui kaunter Koperasi semasa Program Haluan Siswa</li></ul>	

Nota:

- Yuran boleh dibayar mulai **30 Januari 2022 hingga 24 Februari 2022** menggunakan kaedah pembayaran seperti yang dinyatakan di dalam jadual di atas.
- Patuhi arahan ketika membuat pembayaran Yuran Pengajian.
- Politeknik **tidak akan bertanggungjawab** di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran yuran.
- Setiap resit bayaran yuran **hendaklah dibuat salinan dan disimpan sebagai bukti pembayaran.**
- Pelajar boleh membuat pendaftaran secara online **selepas 3 hari bekerja** membuat bayaran. Pendaftaran boleh dibuat melalui <http://spmp.pis.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp> bagi pelajar Diploma dan Sijil Kemahiran Khas.

## 2.4 KAEDAH BAYARAN YURAN PENGAJIAN MENGGUNAKAN JOMPAY

**Langkah 1 :** Log Masuk ke Perbankan Dalam Talian (*Internet Banking*) atau *Mobile Banking*

Berikut adalah senarai Perbankan Dalam Talian (*Internet Banking*) yang menawarkan JomPAY



**Langkah 2 :** Pilih menu JomPAY (mengikut paparan *Internet Banking* pilihan pelajar)

**Langkah 3:** Buat Pilihan Akaun Pengguna dan Isi Maklumat berikut:

	<p>BILLER CODE (PIS) : <b>204024</b> Reference 1 : <b>Nombor Kad Pengenalan Pelajar</b> Reference 2 : <b>Nombor Telefon Pelajar</b></p>
---	---

\* BILLER CODE bagi setiap politeknik adalah **BERBEZA**. Pelajar yang tersilap memasukkan *biller code* semasa membuat transaksi hendaklah segera memaklumkan pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar, PIS

\* **NO KAD PENGENALAN PELAJAR** perlu dimasukkan tanpa tanda "-". Contoh cara memasukkan No Kad Pengenalan – 031332161543

**Langkah 4 :** Masukkan jumlah bayaran yuran pengajian RM200

**Langkah 5 :** Semak semua maklumat sebelum mengesahkan (*confirm*) bayaran

**Langkah 6:** *Unique JomPAY Reference Number* akan dipaparkan setelah transaksi bayaran berjaya dilakukan. Pelajar diwajibkan untuk mencetak maklumat bayaran ini bagi tujuan simpanan dan rekod pendaftaran pelajar.

Beikut adalah contoh penggunaan JomPAY menggunakan beberapa perbankan atas talian pilihan pelajar:

<p>Maybank  <a href="https://www.maybank2u.com.my/">https://www.maybank2u.com.my/</a></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pilih "PAY&amp;TRANSFER"</li> <li>2. Pilih "Pay To JomPAY"</li> <li>3. Masukkan Biller Code <b>204024</b></li> <li>4. Tekan Enter</li> <li>5. Masukkan  Ref 1: No IC pelajar  Ref 2: No tel pelajar  Pay Amount: 200</li> <li>6. Tekan "PAY"</li> <li>7. Selesai &amp; Print Bukti Pembayaran</li> </ol>
<p>Bank Islam (BIMB)  <a href="https://www.bankislam.biz/">https://www.bankislam.biz/</a></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pilih "Payments / Services"</li> <li>2. Pilih "JomPAY"</li> <li>3. Pilih "Payment (JomPAY)"</li> <li>4. Pilih akaun Pembayaran</li> <li>5. Masukkan Amaun Pembayaran</li> <li>6. Masukkan Biller Code <b>204024</b></li> <li>7. Masukkan  Ref 1: No IC pelajar  Ref 2: No tel pelajar</li> <li>8. Tekan "Validate"</li> <li>9. Selesai &amp; Print Bukti Pembayaran</li> </ol>
<p>CIMB  <a href="https://www.cimbclicks.com.my/clicks/#/">https://www.cimbclicks.com.my/clicks/#/</a></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pilih "Pay &amp; Transfer"</li> <li>2. Pilih "JomPAY"</li> <li>3. Masukkan Biller Code <b>204024</b></li> <li>4. Masukkan  Ref 1: No IC pelajar  Ref 2: No tel pelajar</li> <li>5. Pilih Akaun Pembayaran</li> <li>6. Masukkan Amaun Pembayaran</li> <li>7. Tekan "Make Payment"</li> <li>8. Selesai &amp; Print Bukti Pembayaran</li> </ol>

## 2.5 MAKLUMAT HARI PENDAFTARAN

Pelajar **dikehendaki hadir untuk pendaftaran pada hari dan waktu yang telah ditetapkan**. Kegagalan untuk hadir akan menyebabkan tawaran dibatalkan. Sekiranya pelajar gagal untuk menghadirkan diri pada waktu yang telah ditetapkan kerana sebab yang tertentu, pelajar diminta menghubungi pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) PIS dengan segera. **Pelajar Diploma dan Sijil Kemahiran Khas** akan membuat pendaftaran pelajar seperti maklumat berikut:

Tarikh : **27 Februari 2022 (Ahad)**  
Masa : **8.30 pagi – 12.00 tengahari**  
Tempat : **Politeknik Ibrahim Sultan**

- Semua pelajar baharu **boleh menduduki** Kolej Kediaman Pelajar tanpa perlu membuat permohonan.
- Pelajar yang duduk berdekatan dengan PIS dibenarkan untuk duduk di rumah masing-masing. Namun, pelajar **DIWAJIBKAN** mendaftar dan duduk di Kolej Kediaman sepanjang tempoh **Program Haluan Siswa (PHS)** tetapi **TIDAK PERLU** membuat bayaran yuran kolej kediaman.
- Pelajar yang **hadir lewat dari 12 tengahari**, dikehendaki **terus membuat pendaftaran di PEJABAT PENGURUSAN KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR**.

## 2.6 RUPADIRI DAN PEMAKAIAN SEMASA HARI PENDAFTARAN

### Lelaki

- Kemeja / Tshirt berkolar (**sebarang warna**) dan seluar “slack”
- Berambut pendek dan tidak berwarna.
- Berseluar “jeans” dan sebarang aksesori seperti rantai, gelang, anting-anting dan lain-lain **TIDAK** dibenarkan.

### Perempuan

- Muslim : Berbaju kurung / baju (**sebarang warna**) menutup aurat. Memakai tudung yang menutup dada.
- Bukan Muslim : Berbaju kurung / baju (**sebarang warna**) yang sopan. Rambut tidak berwarna & kemas.

## 2.7 PROGRAM HALUAN SISWA

### Maklumat Program Haluan Siswa

Tarikh : 27 Februari – 3 Mac 2022  
Hari : Ahad – Khamis  
Masa : 8.00 pagi – 10.00 malam (rujuk tentatif PHS yang akan dibekalkan semasa hari pendaftaran nanti)

## 2.8 RUPADIRI DAN PEMAKAIAN SEMASA PROGRAM HALUAN SISWA

Berikut adalah rupadiri dan pemakaian pelajar **sepanjang minggu PHS** yang akan berlangsung seperti tarikh di atas.

- i. Baju **PUTIH** berkolar dan berseluar Panjang **HITAM** bagi pelajar lelaki.
- ii. Baju **PUTIH** berlengan panjang, kain / skirt labuh / seluar panjang **HITAM** dan bertudung **HITAM** (pelajar Islam) bagi pelajar perempuan .

**Keperluan di Kolej Kediaman Pelajar** yang PERLU dibawa:

- i. Bantal berukuran 'standard'. Bantal boleh dibawa dari rumah atau dibeli di Koperasi PIS.
- ii. Sehelai sejadah, senaskhah Al-Quran dan Surah Yassin bagi pelajar Islam
- iii. Pakaian sukan / riadah.
- iv. Cadar dan sarung bantal.
- v. Langsir **bagi pelajar lelaki perlu dibawa sendiri dari rumah masing-masing.**
- vi. Keperluan harian dan peribadi pelajar seperti baldi, gayung, sabun dan sebagainya. Semua keperluan ini juga boleh dibawa dari rumah atau dibeli di Koperasi Politeknik Ibrahim Sultan.

## PERATURAN KOLEJ KEDIAMAN

1. Menjaga **kebersihan bilik** sepanjang masa dan ketika. Sentiasa bebas dari sampah sarap.
2. Tidak **menconteng** dinding, tilam dan dinding tilam
3. Tiada **tampalan-tampalan** yang merosakkan dinding bilik.
4. Menjaga **kebersihan kipas angin, tingkap, laci, meja tulis dan kaki lima**.
5. Tidak menyimpan, memiliki dan menghisap **rokok** di dalam bangunan Kolej Kediaman Pelajar. Tindakan buang Kolej Kediaman Pelajar serta merta akan dikenakan terhadap pelajar yang didapati bersalah.
6. Tidak membenarkan **orang asing/pelawat** menginap di dalam bilik Kolej Kediaman Pelajar pada setiap masa dan pesalah boleh diambil tindakan buang Kolej Kediaman Pelajar jika melakukan kesalahan tersebut.
7. Tidak membawa **peralatan elektrik** (kecuali komputer dan lampu study) dan **tidak masak** di dalam bilik.
8. Mesti menghormati **waktu senyap** Kolej Kediaman Pelajar iaitu mulai **8.30 malam hingga 8.00 pagi**.
9. Dilarang **mengubah atau mengalih** sebarang peralatan di dalam bilik. Contoh seperti katil, tilam, bantal, meja tulis dan kerusi, jangan dikeluarkan dari bilik anda.
10. Semua penghuni Kolej Kediaman Pelajar dikehendaki **masuk ke kampus sebelum jam 7.00 malam dan tidak dibenarkan keluar kampus pada waktu tersebut**.
11. Semua pelajar **mesti berada di blok Kolej Kediaman Pelajar masing-masing** pada jam **11.00 malam**.
12. **Memadamkan lampu bilik selepas jam 12.00 tengah malam** dan gunakan lampu 'study' selepas waktu itu atau belajar di Bilik Rekreasi blok masing-masing.
13. **Tilam** hendaklah sentiasa kelihatan kemas dan bersarungkan cadar yang bersih.
14. **Lampu bilik** tidak bersalut kertas warna.
15. **Tidak menyidai sebarang pakaian** di 'railing', di tingkap bilik, di kipas angin siling pada setiap masa dan ketika. Pakaian hendaklah sentiasa digantung dalam almari dengan kemas.
16. Sentiasa bersedia dan memberikan kerjasama untuk didatangi oleh staf atau warden bagi tujuan 'spot check' dari masa ke semasa.
17. **Kunci** hendaklah dijaga dengan baik dan dikembalikan pada penghujung semester dalam keadaan baik dan bertag.
18. Semua warga Kolej Kediaman Pelajar dilarang menyimpan bahan-**bahan lucah** seperti gambar, buku, majalah, CD dsb.

19. Pemakaian **seluar pendek** adalah tidak dibenarkan sama sekali pada bila-bila masa bagi pelajar lelaki dan perempuan.
20. Pemakaian '**jeans**' dan pakaian yang mencolok mata adalah dilarang sama sekali bukan sahaja di Kolej Kediaman Pelajar tetapi di seluruh kawasan kampus PIS.
21. Pertemuan antara dua jantina yang berlainan (**berdua-duaan**) adalah dilarang pada setiap masa.
22. Tidak dibenarkan membawa atau meletakkan **kenderaan bermotor** di Kolej Kediaman Pelajar dan persekitarannya.
23. Dilarang **meninggalkan Kolej Kediaman Pelajar atau bermalam di luar Kolej Kediaman Pelajar** tanpa kebenaran.
24. Dilarang sepenuhnya meninggalkan Kolej Kediaman Pelajar ketika '**grounded**'.
25. Dilarang **mengambil barang** yang bukan hak dan **merosakkan apa jua kemudahan** yang diberikan.
26. Dilarang melanggar peraturan Kolej Kediaman Pelajar pada setiap masa dan tindakan akan diambil bagi pelajar yang didapati bersalah, termasuk tindakan buang Kolej Kediaman Pelajar.

Jika peraturan di atas tidak sesuai dengan kehendak dan jiwa anda, anda tidak layak menghuni Kolej Kediaman Pelajar PIS ini. Segala peraturan ini bertujuan untuk memastikan pelajar Politeknik yang menghuni Kolej Kediaman Pelajar bukan sahaja berdisiplin, tetapi juga sentiasa kelihatan berdisiplin.

Notis ini hendaklah sentiasa berada dalam keadaan baik serta kekal sepanjang masa, dan hendaklah ditampalkan di belakang pintu bilik anda. Kegagalan anda menjaga notis ini dan mengikutnya akan menyebabkan anda disingkirkan dari kediaman Kolej Kediaman Pelajar PIS dengan serta merta. Pihak Pengurusan Arama tidak akan berkompromi dalam hal ini.

**PENGURUS**

**KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR**

**POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN.**


## 3.0 MANUAL PENDAFTARAN ONLINE PELAJAR BAHARU

### 3.1 PENDAFTARAN ONLINE MENGGUNAKAN SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT POLITEKNIK (SPMP)

- a. Taipkan atau klik URL di bawah pada pelayar web:  
<http://spmp.pis.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp> (Diploma dan Sijil Kemahiran Khas)
- b. Masukkan No Kad Pengenalan dan klik  
butang “Teruskan”



- c. Panduan untuk langkah seterusnya dipaparkan.
  - i. Paparan skrin sekiranya pelajar **BELUM** membuat bayaran yuran



Langkah	Perkara yang perlu dilakukan	
1	Cetak Dokumen Pendaftaran Sila cetak maklumat am pendaftaran Politeknik Ibrahim Sultan	Maklumat Am
2	Cetak Maklumat Bayaran Sila cetak jadual bayaran untuk tujuan rujukan semasa anda membuat bayaran di Bank.	Maklumat Bayaran
3	Semak status bayaran Data bayaran pendaftaran yang dibuat hanya akan diterima pihak Politeknik Ibrahim Sultan sehari selepas bayaran dibuat	Semak Status Bayaran

Sebarang masalah atau pertanyaan bolehlah berhubung terus di Jabatan Hal Ehwal Pelajar  
Politeknik Ibrahim Sultan  
Tel : 07-261 2488 Fax : 07-261 2402  
<http://www.pis.edu.my>

© Copyright Team Programmer PKB

ii. Paparan skrin sekiranya pelajar **SUDAH** membuat bayaran yuran

**Selamat Datang ke Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SIMS)**

Sesi Semasa : DISEMBER 2017 || DIS2017

### Panduan Pendaftaran Pelajar Baru Online Politeknik Ibrahim Sultan

**Tawaran anda adalah dengan Kamsis**

Langkah	Perkara yang perlu dilakukan	
1	<b>Cetak Dokumen Pendaftaran</b> Sila cetak maklumat am pendaftaran Politeknik Ibrahim Sultan	<input type="button" value="Maklumat Am"/>
2	<b>Cetak Maklumat Bayaran</b> Sila cetak jadual bayaran untuk tujuan rujukan semasa anda membuat bayaran di Bank.	<input type="button" value="Maklumat Bayaran"/>
3	<b>Semak status bayaran</b> Data bayaran pendaftaran yang dibuat hanya akan diterima pihak Politeknik Ibrahim Sultan sehari selepas bayaran dibuat	<input type="button" value="Semak Status Bayaran"/>
4	<b>Pendaftaran Online (dalam talian)</b> Sila Klik Pendaftaran Online PJB setelah status bayaran yuran diterima oleh pihak Politeknik Ibrahim Sultan	<input type="button" value="Teruskan Untuk Pendaftaran"/>

Sebarang masalah atau pertanyaan bolehlah berhubung terus di Jabatan Hal Ehwal Pelajar  
Politeknik Ibrahim Sultan  
Tel : 07-261 2488 Fax : 07-261 2402  
http://www.pis.edu.my

© Copyright Team Programmer PKB

- d. Untuk membuat pendaftaran online, klik pada butang **Teruskan Untuk Pendaftaran** pada Langkah 4. Seterusnya, skrin maklumat pendaftaran online dipaparkan.

**Selamat Datang ke Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SIMS)**

Sesi Semasa : JUN 2017 || JUN2017

### Maklumat Pendaftaran Online

Nama	: MUHAMMAD HAZANI BIN NIZAM
No Kp	: 990621065807
No Pendaftaran	: 09DJK17F1039
Program	: DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (KAWALAN)
Jabatan	: JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
Kelas	: DJK1B
Tarikh Lapordiri	: 04 JUN 2017
Masa Lapordiri	: 8:30 Pagi
Sesi Mula	: JUN 2017
Sesi Tamat	: DISEMBER 2019

Sebarang masalah atau pertanyaan bolehlah berhubung terus di Jabatan Hal Ehwal Pelajar  
Politeknik Ibrahim Sultan  
Tel : 07-261 2488 Fax : 07-261 2402  
http://www.pis.edu.my

© Copyright Team Programmer PKB

- e. Klik pada butang Cetak Slip untuk mencetak Slip Pendaftaran Online

	<b>Politeknik Ibrahim Sultan</b> KM 10, Jalan Kong Kong 81700 Pasir Gudang Johor Darul Takzim	Telefon : 07-261 2488 Fax : 07-261 2402 Web : <a href="http://www.pis.edu.my">http://www.pis.edu.my</a>	
---	---	---	---

**Slip Pengesahan Pendaftaran Dalam Talian (Online)**

**Maklumat Pendaftaran**

Nama	: MUHAMMAD HAZANI BIN NIZAM	No Pendaftaran	: 09DJK17F1039
No Kp	: 990621065807	Program	: DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (KAWALAN)
Program	: DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (KAWALAN)	Kelas	: DJK1B
Kelas	: DJK1B	Jabatan	: JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
Tarikh Lapordiri	: 04 JUN 2017	Masa lapordiri	: 8:30 Pagi
Sesi Mula	: JUN 2017	Sesi Tamat	: DISEMBER 2019

**Arahan Semasa Melapor Diri**

- i Senarai Semak Borang Pendaftaran (BHEP0)
- ii Borang Maklumat Peribadi Pelajar (BHEP1)
- iii Borang Ikrar Pelajar dan Lepas Tanggung (BHEP2)
- iv Borang Akuan Pelajar dan Akuan Ibu/Bapa/Penjaga (BHEP3)
- v Borang Kebenaran Bapa/Ibu/Penjaga Untuk Rawatan Bius (Anaesthesia) & Pembedahan (BHEP4)
- vi Borang Laporan Pemeriksaan Doktor (BHEP5). Laporan X-Ray mesti disertakan jika pemeriksaan dibuat di klinik swasta. Filem X-Ray tidak perlu diserahkan
- vii Borang Aku Janji Pelajar (BHEP6)

-----Potong Disini-----

**Untuk Kegunaan Koperasi Politeknik Ibrahim Sultan Sahaja**  
**Senarai Semak Koperasi Politeknik Ibrahim Sultan**

Nama	: MUHAMMAD HAZANI BIN NIZAM	No Pendaftaran	: 09DJK17F1039
No Kp	: 990621065807	Program	: DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (KAWALAN)
Program	: DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (KAWALAN)	Kelas	: DJK1B
Kelas	: DJK1B		

**Sila FOTOSTAT slip Bayaran Pendaftaran dan serahkan bersama keratan ini di kaunter koperasi Politeknik Ibrahim Sultan**

Peralatan dari Koperasi Politeknik Ibrahim Sultan yang telah di ambil oleh pelajar.

<input type="checkbox"/>	POLYTECHNIC MSK T-SHIRT
<input type="checkbox"/>	T-SHIRT Yes POLY
<input type="checkbox"/>	POLYTECHNIC JAKET/ BLAZER
<input type="checkbox"/>	POLYTECHNIC CORPORATE SHIRT
<input type="checkbox"/>	POLYTECHNIC TEST PAD
<input type="checkbox"/>	POLYTECHNIC BAG
<input type="checkbox"/>	BALL PEN

- f. Sekiranya pelajar hendak mencetak semula slip pendaftaran online, klik pada Semak Semula dan Cetak Slip.

**Selamat Datang ke Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SIMS)**

Sesi Semasa : JUN 2017 || JUN2017

---

**Panduan Pendaftaran Pelajar Baru Online Politeknik Ibrahim Sultan**

**Tawaran anda adalah dengan Kamsis**

Langkah	Perkara yang perlu dilakukan	
1	<b>Cetak Dokumen Pendaftaran</b> Sila cetak maklumat am pendaftaran Politeknik Ibrahim Sultan	<a href="#">Maklumat Am</a>
2	<b>Cetak Maklumat Bayaran</b> Sila cetak jadual bayaran untuk tujuan rujukan semasa anda membuat bayaran di Bank.	<a href="#">Maklumat Bayaran</a>
3	<b>Semak status bayaran</b> Data bayaran pendaftaran yang dibuat hanya akan diterima pihak Politeknik Ibrahim Sultan sehari selepas bayaran dibuat	<a href="#">Semak Status Bayaran</a>
4	<b>Pendaftaran Online (dalam talian)</b> Anda telah pun mendaftar sila cetak slip pengesahan pendaftaran dalam talian sahaja jika anda belum berbuat demikian	<a href="#">Semak Semula dan Cetak Slip</a>

Sebarang masalah atau pertanyaan bolehlah berhubung terus di Jabatan Hal Ehwal Pelajar  
Politeknik Ibrahim Sultan  
Tel : 07-261 2488 Fax : 07-261 2402  
http://www.pis.edu.my

© Copyright Team Programmer PKB

- g. Proses pendaftaran online pelajar telah berjaya. Sekiranya calon menghadapi masalah untuk pendaftaran, sila hubungi Pejabat Hal Ehwal Pelajar di talian 07-261 2060 / 1070 / 1032 atau hubungi kami di e-mel [pisihp17@gmail.com](mailto:pisihp17@gmail.com)

